



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI**

**Tarikh Dibaca:**

**3 MUHARRAM 1445H/  
21 JULAI 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI**  
**21 JULAI 2023 / 3 MUHARRAM 1445H**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ اتَّقَى اللَّهَ أَتَقَىكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾ الْحَجَرَاتِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Bertepatan dengan tema Sambutan Maal Hijrah 1445, khutbah pada hari ini bertajuk: **“Perpaduan Teras Malaysia Madani”**.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kepimpinan negara telah menetapkan dasar Malaysia Madani sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi tata kelola dan pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak. Objektif melahirkan masyarakat madani membolehkan setiap manusia mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Maka, dapat difahami di sini bahawa pembangunan itu bukan semata-mata terlihat dengan kerangka projek pembinaan yang boleh dilihat dengan mata kasar, tetapi dengan kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya.

Perkataan "*madani*" itu merupakan kata pinjaman dari Bahasa Arab yang bermaksud "maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan". (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Al-Farabi, sarjana yang diiktiraf sebagai pengasas falsafah politik dalam tamadun Islam boleh dianggap sebagai pengasas teori masyarakat madani bukan sahaja dalam konteks sejarah Islam tetapi juga dalam konteks sejarah dunia umumnya. Beliau menegaskan bahawa perlunya masyarakat untuk berganding bahu untuk membina tamadun yang luhur iaitu **mencari dan menegakkan kebenaran**, untuk **mencapai kebahagiaan**, **memupuk kecintaan terhadap ilmu** dan **memakmurkan masyarakat dengan perkara-perkara yang baik dan mulia**.

Pembangunan Malaysia Madani menepati elemen keterangkuman dalam membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang dari aspek spiritualnya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Masyarakat yang dibentuk atas dasar kerjasama untuk mencapai kebahagiaan sejati bagi semua para anggotanya itulah yang layak digelar masyarakat madani. Tiap-tiap anggota

masyarakat berkerjasama dengan anggota-anggota lain bukan semata-mata untuk kepentingan dirinya sendiri tetapi demi kepentingan bersama.

Mengambil *ibrah* dari peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW, dengan kedatangan orang-orang Muhajirin yang datang dari Mekah memulakan interaksi dengan orang-orang Ansar di Madinah dengan semangat persaudaraan yang harmoni. Dengan terbangunnya keadaan tersebut, ia lantas membina interaksi sosial yang lain seperti dalam bidang perniagaan, perdagangan dan sebagainya. Dengan berkembangnya interaksi, ia seterusnya membina kekuatan masyarakat dan negara.

Tindakan Rasulullah SAW yang mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar menunjukkan bahawa ikatan silaturahim panduan Islam yang didirikan atas landasan akidah dan syariah mampu menjana keutuhan dalam sesebuah organisasi masyarakat. Penamaan “Yathrib” kepada “Madinah” juga merupakan proklamasi bahawa Baginda bersama Muhajirin dan Ansar bersungguh-sungguh hendak membangunkan sebuah masyarakat yang beradab, berbudi pekerti luhur, terbuka, dan adil.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Salah satu elemen terpenting dalam memastikan pembangunan Malaysia Madani ialah perpaduan masyarakat di negara ini. Umum mengetahui bahawa negara kita merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, bahasa, warna kulit dan sebagainya. Mengendalikan kemajmukan masyarakat yang ada di negara ini bukanlah suatu hal yang mudah. Dalam hal ini, kita sangat bersyukur kerana berjaya menguruskan kepelbagaian yang ada sehingga kita dapat hidup dengan aman dan damai bersama-sama membangunkan negara. Kita juga patut berterima kasih kepada generasi terdahulu yang telah pun mencantumkan kepelbagaian masyarakat yang ada demi kesejahteraan dan keharmonian kita hari ini.

Dalam membicारा soal perpaduan dan hubungan antara sesama manusia, Al-Quran telah mempersembahkan satu *road map* (peta jalan) yang lengkap melalui Surah al-Hujurat (surah yang ke-49 dalam al-Quran). Surah ini memang wajar menjadi rujukan kerana ia memiliki tema iaitu akhlak, etika, dan adab sama ada kepada Allah SWT, kepada Rasul, sesama umat Islam serta kepada sesama manusia seluruhnya. Jika kita merenungi surah

ini, kita akan mendapat terlalu banyak pengajaran dan nilai yang luhur seperti keimanan, kesatuan manusia, panduan menghadapi perbezaan dan perselisihan dan sebagainya.

Secara ringkasnya, antara dapatan yang dapat kita ambil dari Surah al-Hujurat ialah;

1. Kepatuhan kepada perintah dan ketetapan Allah SWT dan Rasulullah SAW terutama dalam hukum-hakam Islam.
2. Beradab dengan Rasulullah SAW.
3. Menyelidiki (*tabayun*) terlebih dahulu segala berita yang diterima dan tidak menerima secara bulat-bulat.
4. Mendamaikan dua kumpulan (terutamanya umat Islam) yang sedang berselisih atau bertengkar.
5. Larangan mencemuh dan merendah-rendahkan antara satu sama lain.
6. Menjauhi sangkaan buruk terhdap orang lain.
7. Anjuran untuk berkenalan dan saling beramah-mesra antara satu sama lain.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam konteks negara kita pula, kepelbagaian yang ada ini mesti diadun sebaiknya supaya Negara Malaysia dapat dibina atas kesepaduan, keharmonian, kesejahteraan dan kebahagiaan seluruh rakyatnya. Sebarang perselisihan atau perbezaan yang muncul perlu ditangani dengan segera dan bijaksana tanpa menyebabkan mana-mana pihak terguris atau tersinggung. Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang termaktub mesti dihormati dan dipatuhi. Usaha provokasi yang mengetuk pintu kekacauan mesti dijauhi. Bagi kita umat Islam, perintah yang terkandung sama ada dalam al-Quran dan sunnah mestilah menjadi keutamaan sebagaimana yang disebut dari intipati dari Surah al-Hujurat tadi.

Bagi mencapai hasrat ini, semua pihak terutamanya agensi kerajaan perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kesepaduan, kesejahteraan dan kebahagiaan dinikmati bersama. Dalam kesempatan ini juga, mimbar hari ini ingin merakamkan penghargaan kepada **Jabatan Imigresen Malaysia** yang menyambut **Hari Imigresen yang ke-101 tahun** pada 21 Julai ini. Marilah sama-sama kita mendoakan kesejahteraan, kekuatan dan keteguhan hati buat seluruh anggota Jabatan Imigresen Malaysia dalam menjalankan tugas mengawasi pintu masuk negara demi kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

**Pertama:** Pembangunan yang hendak dicapai dalam sesebuah negara bukanlah semata-mata terlihat dengan kerangka projek pembinaan yang boleh dilihat dengan mata kasar, tetapi dengan kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya.

**Kedua:** Ajaran Islam sangat menekankan perpaduan dan semangat persaudaraan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sewaktu peristiwa hijrah.

**Ketiga:** Perpaduan merupakan elemen terpenting dalam menentujayakan matlamat membangunkan Malaysia Madani. Maka kepelbagaian yang ada, mesti diadun dengan baik dan sebarang perselisihan mestilah dikendali dengan baik dan bijaksana.

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ١٠

**Maksudnya:** “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”. (Surah al-Hujurat ayat 10)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.